

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa berusaha keras untuk membentaras sebarang bentuk aktiviti perjudian haram dalam negara sehingga ke akar umbi. Walaupun operasi bagi melumpuhkan kegiatan perjudian dilakukan secara besar-besaran dan berterusan, namun aktiviti perjudian haram ini dilihat terus aktif disebabkan keuntungan yang diperolehi amat besar dan mudah yang mendorong sindiket-sindiket perjudian menggunakan pelbagai *Modus Operandi* untuk terus beroperasi dan mengelirukan pihak berkuasa. Antara *Modus Operandi* baharu yang dikesan seperti berselindung di sebalik perniagaan yang sah atas nama Pusat Hiburan Keluarga (PHK), mengubah lokasi daripada pusat komersil ke kondominium dan beroperasi di pinggir bandar dan kawasan pendalaman serta menggunakan media elektronik dengan menyebarkan *Short Message Service (SMS)* atau melalui *website* bagi mencari pelanggan baharu.**

**Dalam melaksanakan operasi terhadap pusat perjudian, pihak polis menghadapi kesukaran untuk mengambil tindakan atas faktor-faktor seperti berikut:-**

- i) Pelayan (*server*) berada di luar negara.**

**Kegiatan ini sudah menjadi jenayah rentas sempadan di mana ianya melibatkan jaringan dengan laman web luar negara dan terdapat juga transaksi hasil pertaruhan disalurkan masuk**

dari negara. “*Server*” bagi laman-laman web perjudian ini biasanya dikesan berada di luar negara dengan menggunakan kata laluan yang berbeza dan menyukarkan pihak polis mendapatkan keterangan untuk pembuktian di mahkamah.

**ii) Penggunaan Alat Kawalan Jauh**

Dalam serbuan-serbuan kegiatan perjudian mesin komputer, pihak sindiket telah menggunakan alat kawalan jauh untuk menutup atau menukar laman perjudian kepada laman web sosial biasa dan memadam semua transaksi berkaitan perjudian walaupun pihak polis telah berjaya memasuki premis dan merampas komputer berkenaan. Keadaan ini sukar bagi pakar mengenai judi membuat analisa dan pihak forensik tidak dapat mengeluarkan semula data bagi membuktikan wujudnya unsur perjudian dalam komputer berkenaan.

**iii) Penjaga Pusat Perjudian.**

Pihak sindiket kebiasaannya akan mengupah warganegara asing untuk menjaga pusat-pusat berkenaan yang hanya mengenali nama samaran pemilik premis berkenaan di samping nombor telefon yang digunakan pemilik premis ini didaftarkan atas nama warga asing dengan menggunakan talian “*Prepaid*”. Keadaan ini menyukarkan pihak polis menentukan pemilik sebenar untuk tujuan pendakwaan.

**iv) Premis Perjudian**

Kebiasaannya premis perjudian ini mempunyai pintu besi yang berlapis dan dilengkapi dengan CCTV untuk